

SJKC Chung Hwa dan SJKC Chi Wen terima RM4,000



28 Mac 2017 – SJK(C) Chung Hwa dan SJK(C) Chi Wen masing-masing menerima RM4,000 daripada penganjur Malam Kebudayaan Cina (CCN) 2017 Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Majlis penyerahan replika cek disempurnakan oleh Timbalan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal kepada Guru Besar SJKC Chung Hwa Yong Kui Chen dan Guru Besar SJKC Chi Wen, Julius Voo Jiunn Jye.

Turut menyaksikan majlis itu ialah Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan Datuk Chin Hong Vui dan Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Prof Madya Dr Hanudin Amin.

Geoffrey yang mewakili Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan Profesor Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata sumbangan itu bagi menyuntik semangat murid dan guru untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kedua-dua sekolah berkenaan.

Beliau yakin menerusi sumbangan itu, hubungan dua hala antara UMSKAL dengan kedua-dua sekolah terbabit akan berterusan untuk kebaikan generasi masa depan.

"Ia juga simbolik keberadaan UMSKAL sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang sentiasa prihatin terhadap masyarakat tempatan khususnya golongan pelajar di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Sementara itu, kedua-dua guru besar merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pengajur Malam Kebudayaan Cina UMSKAL yang memberikan sumbangan kewangan sekaligus turut memastikan prestasi akademik SJK(C) Chung Hwa dan SJK(C) Chi Wen akan meningkat pada setiap tahun.

Petikan dari : **Utusan Borneo 28 Mac 2017**